

APLIKASI WEB RESPONSIF PENASIHATAN INDIVIDU BERASASKAN KAUNSELING & PSIKOLOGI ISLAM (ENASIHAT)

NUR SUHADAH BINTI NOORANIZAM
IBRAHIM MOHAMED

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Opelbagai masalah dihadapi oleh masyarakat yang boleh merosakkan dan mengganggu kesihatan mental mereka seperti kehilangan pekerjaan, masalah rumahtangga, kesukaran untuk belajar dan masalah kewangan semasa berlakunya Pandemik Covid-19. Masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat untuk mendapatkan bantuan dari aspek psikologi adalah kesukaran untuk mereka mendapatkan informasi berkaitan khidmat nasihat atau bantuan berasaskan nilai islam dan psikologi dari pakar yang bertauliah. Selain itu, kesukaran untuk membuat temu janji secara bersemuka menyukarkan pihak Khidmat nasihat dan pesakit untuk berhubung berikutan masalah pandemik. Tujuan projek ini adalah untuk Membangunkan dan menguji Aplikasi Web Responsif Penasihat Individu Berasaskan Kaunseling & Psikologi Islam bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kajian kes. Selain itu, mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh berkenaan berkaitan kaunseling. Metodologi kajian yang digunakan untuk membangunkan laman web ini adalah dengan menggunakan Metodologi Agile. Pakar Khidmat nasihat seperti pensyarah dari Fakulti Pengajian Islam akan membantu dalam memberi input untuk membangunkan web responsif ini. Selain itu juga, kaji selidik akan dijalankan bagi mengumpulkan maklumat dari responden yang ramai bagi mendapatkan masalah yang dihadapi mereka sepanjang pandemik dan bagi mendapatkan pendapat mereka tentang web responsif khidmat nasihat yang akan dibangunkan. Aplikasi Web Responsif ini dibangunkan dengan bahasa pengaturcaraan PHP dan HTML, dan penyimpanan data terletak di MySQL server. Perisian yang digunakan untuk mengatur cara aplikasi web responsif ini adalah Visual Studio Code. Akhir sekali, web responsif ini dibangunkan dengan bertujuan untuk memberi manfaat kepada individu untuk mudah mendapat informasi atau bantuan berkaitan khidmat nasihat berasaskan nilai Islam dan psikologi kaunseling.

1 PENGENALAN

Pertumbuhan teknologi maklumat di Malaysia semakin rancak berkembang. Dalam masyarakat digital sepenuhnya di mana kesalinghubungan konvergen terlaksana, rakyat tidak lagi mengalami perkhidmatan digital dengan cara tersendiri. Malahan masyarakat akan mengalami pengalaman yang lengkap dan lancar dalam semua perkara yang mereka lakukan daripada perbankan ke hiburan, dari merancang pengangkutan ke percutian dan dari kehidupan professional ke kehidupan peribadi (Ogut,2020). Penghasilan pelbagai aplikasi baru untuk membantu pelbagai lapisan umur melakukan tugas sebagai contoh, berinteraksi untuk pekerjaan mereka, guru-guru menggunakan aplikasi untuk mengajar murid-murid secara dalam talian. Aplikasi yang telah bangunkan telah memberi manfaat kepada banyak pengguna.

Banyak aplikasi yang berada di pasaran menggunakan web responsif. Hal ini disebabkan kelebihan yang ada pada web responsif ini sendiri. Fokus pengguna akan terganggu sekiranya terdapat banyak masalah yang dihadapi semasa membaca dan mencari kandungan di laman web pada masa yang lama. Beberapa kelebihan sekiranya menggunakan laman web responsif antaranya adalah web responsif membolehkan laman web tersebut berubah mengikut saiz skrin dan jenis peranti yang digunakan oleh pengguna. Selain itu, kos menjadi lebih efektif sekiranya menggunakan laman web responsif kerana pengguna tidak perlu risau dengan penggunaan peranti sama ada perlu membeli yang baharu atau mengganti peranti pada waktu yang sama (IWD, 2019). Dengan reka bentuk web responsif, laman web akan dioptimumkan. Pengoptimuman dan masa loading laman web yang lebih cepat bermakna pengguna laman web dapat dengan mudah menavigasi laman web yang menggunakan web responsif (Hamidi, 2019). Selain itu, pada zaman serba canggih ini, masyarakat lebih banyak menggunakan kemudahan telefon pintar tanpa mengira lapisan umur, tua atau muda. Menurut laporan kajian Pengguna Internet 2018 oleh MCMC, 93.1% pengguna di Malaysia menggunakan telefon pintar untuk mengakses internet termasuk laman web. 44.2% menggunakan laptop manakala terdapat juga pengguna yang mengakses menggunakan tablet (Hamidi, 2019). Oleh itu, sangat penting bagi sesuatu laman web untuk direka bentuk secara responsif agar menu dan laman web dapat dibaca keseluruhan pengguna.

Seiring dengan kemajuan teknologi yang telah berkembang pesat di Malaysia, perkhidmatan kaunseling juga tidak ketinggalan dalam arus kemajuan teknologi ini. Malaysia juga telah mempunyai beberapa laman web kaunseling seperti E-Kaunseling Perkhidmatan Awam. Laman web ini memberi peluang kepada klien untuk memilih kaunselor dan menghubungi mereka untuk melakukan Temujanji. Selain itu, e-Psy Selangor juga diwujudkan bagi memudahkan klien melihat jadual kaunselor dan melihat senarai kaunselor. Kedua-dua laman web ini menunjukkan bahawa kaunseling secara dalam talian sudah relevan untuk di gunakan pada masa kini. Kajian oleh Robinson & Serfaty (2001) telah melihat keberkesanan E-kaunseling berbanding Kaunseling secara bersemuka dalam menangani masalah pemakanan. Seramai 23 subjek kajian mengambil bahagian dan mereka telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan yang mengikuti Kaunseling secara bersemuka dan kumpulan yang mengikuti E-kaunseling. Kajian yang telah dijalankan telah menggunakan pendekatan Kognitif- Tingkahlaku dalam mencabar pemikiran subjek kajian tentang keinginan terhadap makanan. Kemudian, setelah tiga bulan, dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan menunjukkan penurunan dalam simptom-simptom

bulimia. Hasilnya, dapatan kajian telah membuktikan pendekatan E-kaunseling sama berkesan seperti Kaunseling bersemuka. Namun, aplikasi kaunseling yang berasaskan Islam sukar untuk ditemui pada masa kini.

Tujuan utama mewujudkan Aplikasi Web Responsif Penasihat Individu Berasaskan Kaunseling & Psikologi Islam adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan penasihat berdasarkan ilmu Islam. Psikologi Islam adalah sebuah ilmu tentang manusia dan pola interaksinya di dunia yang mana segala aturan dan juga petunjuk berasal dari Al-Quran. Wahyu Al-Quran memiliki perspektif dan memberikan penjelasan tentang manusia itu sendiri, siapa, bagaimana dan rahsia mereka. Kurangnya pendedahan berkaitan kaunseling dan psikologi Islam terhadap masyarakat membuatkan mereka lebih memilih untuk menggunakan pendekatan ke arah kebaratan (Khanza Savitra, 2021). Selain itu, memudahkan untuk para kaunselor memuatnaik maklumat berkaitan tips dan maklumat yang bermanfaat kepada individu yang memerlukan. Perkhidmatan menolong menggunakan Internet dikenali sebagai E-kaunseling. Perkhidmatan ini juga dikenali sebagai web-Kaunseling, siber-Kaunseling dan e-terapi (Amir Awang, 2007; Manhal-Baugus, 2001; Nor Ba'yah Abdul Kadir & Yahaya Mahamood, 2001; Zaida Nor & Yusni, 2018). Aplikasi yang dibangunkan ini memberi peluang kepada individu yang mempunyai masalah untuk berhubung dengan kaunselor yang bertaualiah untuk membuat temunjanji. Selain itu, klien juga boleh menggunakan aplikasi web responsif ini untuk menadapatkan solusi kepada masalah yang dihadapi dengan lebih mudah menggunakan kata kunci.

2 PENYATAAN MASALAH

Malaysia mengalami kekurangan tenaga kaunselor. Insititusi Sosial Malaysia (ISM) mengambil langkah proaktif melatih lebih ramai kaunselor bagi menampung jumlah kekurangan kaunselor profesional berdaftar bagi membantu menangani pelbagai isu sosial dalam masyarakat (Ibrahim, 2017). Situasi ini menunjukkan para kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia masih rendah dan ramai individu yang memerlukan khidmat nasihat dan sokongan daripada mereka namun tidak mempunyai kemudahan tersebut lantaran masalah yang dihadapi.

Laman web sedia ada seperti E-Kaunseling Perkhidmatan Awam, dan e-Psy Selangor di Malaysia tidak mempunyai ruangan yang lebih informatif kepada pengguna. Kedua-dua

laman ini hanya menyediakan perkhidmatan temu janji tetapi tidak mempunyai ruangan di mana klien dapat menerima informasi atau tip bagi menyelesaikan masalah mereka. Hal ini, amat menyukarkan sekiranya klien ingin mengetahui dan mendapatkan informasi berkaitan masalah dihadapi selain membuat temu janji bersama kaunselor. Kemudian dengan adanya beberapa kekurangan pada laman web sedia ada ini, pengguna akan kurang menggunakan perkhidmatan pada laman web tersebut.

Berdasarkan kajian pernyataan di atas menunjukkan wujudnya masalah dalam perkongsian maklumat dan tiada proses formal bagi klien untuk membuat temujanji Bersama kaunselor walaupun terlampau ramai klien yang memerlukan khidmat nasihat daripada Pusat Islam. Oleh itu, projek ini akan membangunkan satu Web Responsif Penasihatatan Individu Berasaskan Kaunseling & Psikologi Islam, hanya kaunselor yang bertauliah sahaja yang akan dibenarkan mengakses kepada apliksai ini. Hal ini bagi mengelakkan berlaku penipuan atau penyebaran ilmu yang salah. Peningkatan pengaruh komunikasi dan Perkongsian maklumat telah meningkatkan keupayaan teknologi sedia ada untuk menyebarkan berita dan ilmu yang salah dan palsu (Bernama, 2014). Selain itu, aplikasi ini memberi peluang kepada kaunselor untuk memuat naik maklumat berkaitan kaunseling dan psikologi Islam. Para pengguna iaitu individu yang memerlukan khidmat nasihat dapat menggunakan aplikasi ini untuk mendapatkan tip yang terbaik. Dalam pada masa yang sama klien dapat membuat temujanji bersama para kaunselor untuk mendapatkan khidmat nasihat. Hal ini dapat mengelakkan kesesakan bagi kaunselor untuk menerima jumlah klien yang terlalu ramai dalam satu masa.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk membangunkan sebuah Aplikasi Web Responsif Penasihatatan Individu Berasaskan Kaunseling & Psikologi Islam yang memudahkan kaunselor dan juga pengguna iaitu individu untuk mendapatkan khidmat nasihat berasaskan kaunseling dan psikologi Islam. Untuk mencapai objektif utama ini, berikutan merupakan objektif yang perlu dicapai:

- I. Mengumpulkan maklumat atau isu-isu penting daripada sumber-sumber berkaitan bagi melengkapkan fungsi yang perlu ada dalam Aplikasi Web Responsif Penasihatatan Individu Berasaskan Kaunseling & Psikologi Islam pengguna iaitu

individu dapat melihat dan mendapatkan tip berkaitan penasihatn berasaskan psikologi Islam.

II. Membangunkan Aplikasi Web Responsif Penasihatn Individu Berasaskan Kaunseling & Psikologi Islam bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kajian kes.


III. Menguji Aplikasi Web Responsif Penasihatn Individu Berasaskan Kaunseling & Psikologi Islam bagi memastikan fungsi yang terdapat dalam aplikasi tersebut berfungsi dengan baik.

Objektif usulan projek ini adalah untuk mengkaji masalah yang dihadapi, fungsi-fungsi yang perlu ada dalam aplikasi dan reka bentuk yang sesuai untuk di gunakan dalam Aplikasi Web Responsif Penasihatn Individu Berasaskan Kaunseling & Psikologi Islam

4 METOD KAJIAN

Aplikasi Web Responsif Penasihatn Individu Berasaskan Kaunseling & Psikologi Islam dibangunkan berdasarkan metodologi Agile. Metodologi Agile adalah proses pengurusan projek yang menggunakan konsep memecahkan projek kepada tugas dan peringkat yang lebih kecil. Metodologi Agile dipilih untuk membangunkan aplikasi ini kerana pemecahan kecil kerja yang wujud dalam metodologi ini membolehkan penggabungan maklum balas pihak berkepentingan, menilai semula kerja yang telah dilaksanakan dan mengambil pendekatan berulang pada setiap titik proses (Metode Agile: Pengertian, Tujuan, Jenis, Manfaat, Dan Prinsip, 2020). Selain itu, metodologi ini digunakan kerana pendekatan yang ada pada Agile iaitu pemecahan kerja menjadi fasa pembangunan kecil yang dikenali sebagai pecutan. Ini membolehkan proses pembangunan dilakukan dengan cepat dan kemudian menilai semula kerja yang telah dilakukan bersama dengan pihak yang berkepentingan dengan kerap dalam skrum harian dan perancangan pecutan. Kelebihan yang dibawa oleh metodologi Agile ini seperti proses pembangunan perisian lebih singkat dan sumber yang diperlukan adalah lebih sedikit, kemudian perubahan lebih mudah untuk dilakukan dengan lebih pantas mengikut keperluan klien (Cias.co, 2021).

Rajah 1 menunjukkan rajah berkaitan metodologi Agile yang akan digunakan dalam pembangunan aplikasi web responsif ini.



Rajah 1 Metodologi Agile

4.1 Analisis Keperluan

Fasa permulaan ini merupakan fasa di mana pengumpulan data daripada pengguna dijalankan. Pengumpulan data ini bertujuan untuk mengetahui objektif dan skop bagi projek yang akan dibangunkan. Selepas mendapatkan data daripada pengguna serta mendapat pernyataan masalah dengan lebih jelas, keperluan pengguna bagi projek yang akan dibangunkan boleh dikenal pasti satu persatu dengan lebih tepat.

4.2 Perancangan

Selepas mengenalpasti keperluan pengguna, penyelesaian bagi masalah yang telah dikenal pasti dapat dibentuk dan dirancang. Kemudian, penyelesaian yang diperolehi dapat dibahagikan mengikut kepentingan dan diasingkan dalam Scrum untuk tujuan pembangunan secara tersusun. Hal ini dapat mewujudkan pengawalan masa yang berstruktur dan memudahkan pembangunan projek.

4.3 Reka Bentuk

Fasa ini lebih memfokuskan pada rupa bentuk yang akan menjadi akan perantara kepada pengguna dan aplikasi yang akan dibangunkan. Informasi dan pendapat dari pengguna sangat penting dalam mereka bentuk aplikasi untuk mewujudkan keselesaan kepada pengguna.

4.4 Pembangunan Sistem

Pada fasa ini, perisian dan bahasa pengaturcaraan ditetapkan iaitu PHP dan HTML bagi menjalankan Scrum yang telah dirancang. Scrum akan memainkan peranan dalam mengawal proses penting bagi memastikan semua yang telah dirancang berjalan dengan lancar.

4.5 Pengujian

Setiap komponen yang telah dibangunkan dalam fasa pembangunan sistem akan diuji untuk memastikan sistem yang dibangunkan berfungsi mengikut objektif dan keperluan pengguna seperti yang telah diperolehi di fasa analisis keperluan. Fasa ini amat penting bagi mencari kesalahan kepada komponen yang tidak berfungsi mengikut keperluan yang dikehendaki.

4.6 Penggunaan

Fasa terakhir dalam metodologi ini adalah fasa di mana aplikasi yang telah berjaya dibangunkan akan dilepaskan kepada pengguna sasaran dan akan dipantau dari segi penggunaannya. Sekiranya mendapat laporan daripada pengguna mengenai kesalahan terhadap aplikasi, tindakan segera akan di ambil untuk membaiki aplikasi tersebut.

5 HASIL KAJIAN

Bab ini membincangkan hasil daripada proses pembangunan aplikasi web responsif penasihat individu berasaskan kaunseling dan psikologi Islam. Terdapat beberapa perisian yang digunakan untuk membangunkan aplikasi web responsif ini. Dalam kajian ini Visual Studio Code telah digunakan untuk mengaturcara kod bagi membangunkan aplikasi web responsif ini.


Reka bentuk muka hadapan sistem ini ditunjukkan Rajah 2. Pengguna boleh melakukan aktiviti log masuk dalam eNasihat ini. Pengguna perlu memasukkan emel dan kata laluan kemudian menekan butang hantar.

Rajah 2 Antara Muka Log Masuk eNasihat

Pengguna baharu iaitu klien yang baru sahaja ingin membuat akaun boleh mendaftar sebelum melog masuk ke dalam aplikasi web responsif ini. Rajah 3 menunjukkan halaman untuk mendaftar bagi pengguna baharu .

Rajah 3 Antara muka mendaftar pengguna baharu

Reka bentuk antara muka hadapan bagi kaunselor Berjaya log masuk dapat dilihat dalam Rajah 4. Paparan antara muka ini menunjukkan papan pemuka bahagian menu dan beberapa paran berkaitan temujanji. Beberapa rujukan graf dapat dilihat di muka hadapan ini.



Rajah 4 Antara Muka Halaman Utama Kaunselor

Kaunselor boleh mengakses kepada Temujanji yang telah dimohon oleh klien pada ruangan semakan Temujanji. Pada halaman ini iaitu Rajah 5 menunjukkan, kaunselor boleh melihat Temujanji yang telah dipersetujui, Temujanji baharu dan yang masih belum selesai.

Penentuan Tarikh Temujanji

Nama Klien	Masalah	Tarikh dan Masa (Cadangan)	Nama Kaunselor	Ulasan Kaunselor	Tindakan
Nur Suhadah	terlampau leka melihat telefon		-	-	Semakan Kaunselor
Hana Miswan	terlampau fokus pada gajet		-	-	Semakan Kaunselor

Persetujuan Tarikh Temujanji

Nama Klien	Masalah	Tarikh dan Masa (Cadangan)	Nama Kaunselor	Ulasan Kaunselor	Tindakan
Suhailin	merasa takut dengan keadaan sekeliling	2022-07-19 14:55:00	Puan Fatimah Rohani	-	Pengesahan
Suhaili	kekurangan wang di tengah bulan	2022-07-20 13:20:00	Puan Fatimah Rohani	-	Pengesahan

Klien (Tukar tarikh)

Nama Klien	Masalah	Tarikh dan Masa (Cadangan)	Status	Ulasan Klien	Tindakan
Tiada rekod.					

Sesi temujanji

Nama Klien	Masalah	Sesi	Nama Kaunselor	Tindakan
Nur Suhadah	Sukar fokus semasa belajar	Belum bermula	Puan Fatimah Rohani	Semakan Kaunselor

Rajah 5 Antara Muka Halaman Semakan Temujanji

Kaunselor boleh memuatnaik maklumat berbentuk video ke dalam aplikasi web responsif ini. Kemudian video tersebut boleh diakses oleh klien pada halaman klien. Rajah 6 menunjukkan maklumat yang diperlukan untuk memuatnaik video tersebut.

Ruang Muatnaik Maklumat

Ruangan ini khas untuk memuatnaik video dari Youtube

Tajuk:

Penerangan:

Url:

Rajah 6 Antara Muka Halaman muatnaik maklumat

Selepas pentadbir melog masuk ke dalam aplikasi web responsif eNasihat ini, pentadbir boleh membuat pendaftaran kaunselor baharu pada halaman daftar kaunselor. Rajah 7 menunjukkan maklumat yang diperlukan untuk membuat pendaftaran kaunselor baharu.

Rajah 7 Antara muka Halaman mendaftar kaunselor

Kaunselor, Pentadbir dan Klien boleh membuat carian kata kunci pada halaman solusi bagi melihat solusi bagi masalah yang dihadapi oleh klien dan juga sebagai rujukan pada masalah-masalah yang dihadapi. Rajah 8 menunjukkan halaman solusi yang mana pengguna perlu memasukkan kata kunci sebelum melakukan semakan kepada solusi bagi kes yang dihadapi.

Rajah 8 Antara muka Halaman Ruang solusi

Klien boleh membuat permohonan Temujanji pada halaman membuat Temujanji. Rajah 9 menunjukkan maklumat yang diperlukan untuk membuat permohonan temujanji bersama kaunselor.

The screenshot shows a web form titled 'Membuat Temujanji' (Create Appointment) within the 'eNasihat' system. The form is divided into several sections with input fields:

- Nama Klien:** A text input field with the value 'Suhadah'.
- Kategori Kes:** A dropdown menu with the selected option 'Sila Pilih Kategori'.
- Ulasan Masalah:** A text input field.
- Tarikh dan Masa (Cadangan):** A date input field with the format 'YYYY-MM-DD'.
- Ulasan Klien:** A text input field with the value '- '.
- Status:** A text input field with the value '- '.
- Nama Kaunselor:** A text input field with the value '- '.
- Ulasan Kaunselor:** A text input field with the value '- '.
- Sesi:** A text input field with the value '- '.

At the bottom of the form, there are two buttons: 'Hantar' (Submit) and 'Kembali' (Back). The top right corner of the form has 'Share', 'Export', and 'This week' options.

Rajah 9 Antara muka Halaman Membuat temujanji

Kaunselor dan Pentadbir boleh melihat sejarah klien iaitu hasil carian yang telah dilakukan oleh klien sekiranya klien tersebut membuat simpanan carian pada halaman ruang solusi . Rajah 10 menunjukkan halaman sejarah klien yang memaparkan kes yang telah disimpan dan sekiranya pengguna menekan butang simptom dan solusi, halaman akan menunjukkan simptom dan solusi berkaitan kes berkaitan klien.

The screenshot shows the 'Semakan Sejarah' (Check History) page in the 'eNasihat' system. It features a table of client cases and two sections for symptoms and solutions.

Nama	Kes ID	Nama Kes	Simptom dan Solusi
Nur Suhadah	3	Masalah pembelajaran	Simptom dan Solusi
Ahmad Faiz	4	Masalah Kewangan	Simptom dan Solusi
Suhaili	4	Masalah Kewangan	Simptom dan Solusi
Hana Miswan	5	Ketagihan gajet	Simptom dan Solusi
Suhailin	2	Masalah kesihatan mental	Simptom dan Solusi

Below the table, there are two sections:

- Simptom:** A section with a sub-header 'Simptom' and a text input field containing the text 'Sukar untuk menumpukan perhatian pada sesuatu subjek' and 'Merasa resah tidak mempunyai masa cukup membuat tugas'.
- Solusi:** A section with a sub-header 'Solusi' and a text input field containing the text 'Membuat persediaan sebelum memasuki kelas tersebut' and 'Membuat jadual harian dan praktis bangun awal pagi'.

Rajah 10 Antara muka Halaman semakan sejarah

6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Aplikasi Web Responsif Penasihat Individual berbasiskan Kaunseling dan Psikologi Islam ini, diharap agar dapat membantu Pusat Islam UKM bagi menguruskan masalah-masalah yang dihadapi oleh individu berkaitan masalah seperti kewangan, pembelajaran, rumahtangga dan sebagainya. Selain itu, pembangunan eNasihat ini dapat memudahkan klien atau individu yang mempunyai masalah dapat mencari solusi dengan lebih menggunakan pendekatan fungsi carian dalam eNasihat ini. Walaupun masih terdapat banyak kekurangan pada sistem ini, diharapkan dengan menggunakan analisis kekurangan dan cadangan penambahbaikan sistem, pembangunan sistem akan dapat ditambah baik pada masa hadapan.

Copyright@FTSM
UKM

7 RUJUKAN

- Bernama. 2014. Media sosial galak penyebaran maklumat palsu tentang Islam - Zahid. Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/media-sosial-galak-penyebaran-maklumat-palsu-tentang-islam-zahid-42160> [21 July 2022].
- Cias.co. 2021. Apa itu Agile? Mengenal Agile, Tujuan, serta Kelebihan dan Kekurangannya. <https://www.cias.co/post/apa-itu-agile-mengenal-agile-tujuan-serta-kelebihan-dan-kekurangannya> [21 July 2022].
- Hamidi, I. 2019. Mengapa perlu laman web yang responsif. People.utm.my. from <https://people.utm.my/idiana/2019/06/23/laman-web-yang-responsif/>. [4 January 2022]
- Ibrahim, N. 2017. Tambah khidmat kaunselor profesional, tangani masalah sosial | Berita Harian. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2018/11/499081/tambah-khidmat-kaunselor-profesional-tangani-masalah-sosial>. [4 January 2022]
- IWD. 2019. Kelebihan Ada Website Responsif - IWD. <https://iwd.asia/kelebihan-responsif-website> [21 July 2022].
- Khanza Savitra. 2021. Psikologi Islam sebagai Disiplin Ilmu Psikologi. <https://dosenpsikologi.com/psikologi-islam> [28 October 2021].
- Ogut, G. 2020. ICT permudah masyarakat digital | Berita Harian. Berita Harian. from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/01/643842/ict-permudah-masyarakat-digital>. [3 January 2022]
- Robinson, P. H., & Serfaty, M. A. 2001. The use of e-mail in the identification bulimia nervosa and its treatment. *European Eating Disorders Review*, 9, 182-193.
- Sekawan Media. 2020. Metode Agile: Pengertian, Tujuan, Jenis, Manfaat, Dan Prinsip. <https://www.sekawanmedia.co.id/blog/metode-agile-development> [21 July 2022].
- Zaida Nor Zainudin & Yusni Mohamad Yusop. 2018. Client's Satisfaction in Face-To-Face Counselling and Cyber Counseling Approaches: A Comparison. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(3), 677–684.